



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 16/2025

APB REMBAU E-BULLETIN



EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

**Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim**

CHIEF EDITOR

**Assoc. Prof. Dr. Soo Kum
Yoke, Carolyn**

EDITORIAL COMMITTEE

**Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin**

Si Bapa Rambut dan Kawan-kawan

Ditulis oleh: Nur Aini Ariffin

Pernakah anda terfikir bahawa dua perkataan Arab yang biasa boleh digabungkan untuk menghasilkan maksud yang sama sekali berbeza? Ia seperti teka-teki bahasa; menarik, menyeronokkan dan sedikit mencabar minda! Seperti rambutan yang digabungkan daripada perkataan “أَبُو” (bapa) dan “شَعْر” (rambut), lalu lahirilah istilah “أَبُو شَعْر” yang secara harfiah bermaksud “bapa rambut”. Agak lucu bunyinya, tetapi apabila melihat kulit rambutan yang dipenuhi rambut halus, kita akan faham dan mengerti mengapakah orang Arab menamakannya sebegitu. Ayuh kita kenali kawan-kawan Bapa Rambut yang lain.

1. (Kacang Walnut) عَيْنُ الْجَمَلِ

- (‘ayn) عَيْنُ: bermaksud mata
- (al-jamal) الْجَمَلُ: bermaksud unta

Walaupun secara literal bermaksud *mata unta*, frasa ini digunakan oleh orang Arab untuk merujuk kepada kacang walnut, mungkin kerana bentuknya yang seakan mata unta.

2. (Pasta Orzo) لِسَانُ الْعُصْفُورِ

- (lisān) لِسَانُ: bermaksud lidah
- (al-‘uṣfūr) الْعُصْفُورُ: bermaksud burung

Jika diambil maksud terus, lisān al-‘uṣfūr bererti *lidah burung*. Nama ini diberikan kepada sejenis pasta kecil (orzo) yang berbentuk nipis dan halus, seakan-akan menyerupai lidah burung. Sering digunakan dalam masakan Arab.

3. (Kuning Telur) قَلْبُ الْبَيْضِ

- (qalb) قَلْبُ: bermaksud hati
- (al-bayḍ) الْبَيْضُ: bermaksud telur

Dalam bentuk literal, frasa ini bermaksud *hati telur*, namun dalam penggunaan sebenar ia merujuk kepada kuning telur, iaitu bahagian penting yang berada di tengah-tengah telur, seolah-olah menjadi “hati” kepada telur tersebut.

4. (Tahun Baru) رَأْسُ السَّنَةِ

- (ra’s) رَأْسُ: bermaksud kepala
- (as-sanatt) السَّنَةُ: bermaksud tahun

Jika difahami secara terus, ra’s as-sanatt membawa maksud *kepala tahun*. Frasa ini digunakan untuk merujuk kepada Tahun Baru, iaitu permulaan sesuatu tahun. Kata *ra’s* (kepala) menjadi kiasan kerana sebagaimana kepala mendahului anggota

badan, begitulah juga Tahun Baru mendahului perjalanan tahun berikutnya.

5. (Mesir) أُمُّ الدُّنْيَا

- (umm) أُمُّ: bermaksud ibu
- (ad-dunyā) الدُّنْيَا: bermaksud dunia

Gabungan umm ad-Dunyā bermaksud *ibu dunia*, satu gelaran istimewa bagi Mesir, menandakan kedudukannya sebagai pusat tamadun dan peradaban.

6. (Lipan) أُمُّ أَرْبَعَةٍ وَأَرْبَعِينَ

- (umm) أُمُّ: bermaksud ibu
- (arba'att wa arba'in) أَرْبَعَةٍ وَأَرْبَعِينَ: bermaksud empat puluh empat

Apabila digabungkan, ungkapan ini tidak bermaksud *nombor* semata-mata, sebaliknya merujuk kepada lipan, yang terkenal dengan banyak kakinya.

7. (Landak) أَبُو الشَّوْكَ

- (abū) أَبُو: bermaksud bapa
- (ash-shawk) الشَّوْكَ: bermaksud duri

Lucunya, abū ash-shawk atau bapa duri digunakan untuk menamakan landak, kerana tubuhnya penuh dengan duri sebagai pertahanan diri.

8. (Bola Baling) كُرَّةُ الْيَدِ

- (kuratt) كُرَّةُ: bermaksud bola

- (al-yad) الْيَدِ: bermaksud tangan

Perpaduan dua kata ini membentuk istilah sukan bola baling, iaitu permainan yang menggunakan tangan untuk mengawal bola.

9. (Motosikal) الدَّرَاجَةُ النَّارِيَّةُ

- (ad-darrājatt) الدَّرَاجَةُ: bermaksud basikal
- (an-nāriyyatt) النَّارِيَّةُ: bermaksud bermotor (berkaitan api atau enjin)

Perkataan ad-darrājatt bererti basikal manakala an-nāriyyatt berkait dengan api atau enjin. Apabila digabungkan, ia merujuk kepada motosikal - kenderaan dua roda yang tidak lagi digerakkan oleh kayuhan, tetapi oleh kuasa enjin.

10. (Bendahari) أَمِينُ الصَّنْدُوقِ

- (amīn) أَمِينُ: bermaksud penjaga atau orang yang amanah
- (as-sundūq) الصَّنْدُوقِ: bermaksud peti atau kotak

Secara harfiah, istilah ini bererti *penjaga peti*. Dalam konteks organisasi, ia digunakan untuk merujuk kepada bendahari - individu yang dipertanggungjawabkan dengan amanah untuk menguruskan kewangan.

Daripada rambutan si bapa rambut, kacang walnat si mata unta, lipan si ibu empat puluh empat, hinggalah motosikal dan bendahari,

kita dapat lihat betapa kreatifnya bahasa Arab menamakan sesuatu berdasarkan rupa, fungsi atau makna tersirat. Gabungan kata ini bukan sekadar terjemahan literal, tetapi melahirkan gelaran, nama haiwan, konsep budaya, bahkan istilah moden. Melaluinya kita belajar bahawa tidak semua ungkapan boleh diterjemahkan secara terus, sebaliknya perlu difahami dari sudut budaya dan makna kiasan. Inilah yang menjadikan bahasa Arab indah, penuh kejutan serta sesuai dijadikan *brain teaser* supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab lebih segar serta menyeronokkan.

Aktiviti Mini: Cuba Teka!

Bolehkah anda meneka maksud gabungan kata ini?

1. ؟ = (harta) الْمَال + (kepala) رَأْس
2. ؟ = (pedang) سَيْف + (bapa) أَبُ
3. ؟ = (kaki) الْقَدَم + (bola) كُرَة

👉 Jawapan ada di ruangan bawah halaman ini.

Rujukan

- Che Pai. (2025, February 22). *First time tengok pokok Walnut atau orang arab (sebut Ain Jamal) sebab bentuk dia macam mata unta Cuma jenis pokok* [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/fysall.alex/posts/first-time-tengok-pokok-walnut-atau-orang-arab-sebut-ain-jamal-sebab-bentuk-dia-/1225696172418368/>
- Hanafi Dollah. (2019). *Kamus kontekstual lengkap al-Khalil (Bahasa Arab – Bahasa Melayu)*. Pustaka Haji Abdul Majid.
- Noor Murad [@noorishbynoor]. (2022, August 2). *Fun fact: orzo is actually called lisan asfoor لسان العصفور in Arabic which literally translates to “bird’s tongue” as that’s* [Photograph]. Instagram. https://www.instagram.com/p/CgwUH5_qICH/?hl=en

Jawapan: 1. Modal 2. Ikan todak 3. Bola sepak